

Headline	FBM KLCI makin rancak		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Ekonomi	Page No	L-B16
ArticleSize	185 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,734		



FBM KLCI makin rancak

» Turut disokong keuntungan di kaunter berwajaran tinggi

Harga saham di Bursa Malaysia meneruskan kerancakannya semalam dengan FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) ditutup pada paras tinggi baru 1,843.85, dirangsang oleh belian susulan di celah-celah aliran masuk dana asing.

Indeks penanda aras yang dibuka pada 1,837.8, turut mencatatkan paras tinggi seharian baharu 1,846.92 pada jam 3.24 petang, sebelum mengakhiri 1.98 mata lebih tinggi. Ia turut disokong oleh keuntungan di kaunter berwajaran tinggi.

Saham untung mengatasi saham rugi 391 berbalas 375 dengan 312 kaunter tidak berubah, 479 tidak diniagakan dan 19 yang lain digantung.

Jumlah dagangan meningkat kepada 1.398 bilion saham bernilai RM2.012 bilion daripada 1.144 bilion saham bernilai RM1.455 bilion pada Isnin.

Ketua penyelidikan Inter-Pacific Research Sdn Bhd, Pong Teng Siew, berkata pasaran menyaksikan aliran masuk modal yang

besar daripada dana asing ke dalam pasaran ekuiti untuk membeli saham mewah.

“Pelabur asing ke sini untuk melindungi pelaburan mereka di Thailand yang telah terjejas oleh situasi tidak menentu politik,” katanya.

Pong berkata pasaran turut menyaksikan kegiatan mengemas kini akaun secara berterusan oleh dana tempatan.

“Kami menjangka pasaran untuk terus rancak sekurang-kurangnya sehingga minggu kedua Januari tahun hadapan tetapi rasanya agak sukar untuk menguji paras 1,900 mata pada akhir tahun,” tambah beliau.

Di papan skor, Indeks Perladangan meningkat 18.17 mata kepada 9,076.17 dan Indeks Kewangan mengukuh 16.16 mata kepada 16,891.94. Indeks Perindustrian pula kerugian 18.98 mata kepada 3,107.52.

Indeks FBM Emas menokok 9.25 mata kepada

12,731.72, Indeks FBMT100 lebih tinggi 8.07 mata kepada 12,464.01 dan FBM Ace meningkat 20.03 mata kepada 5,623.86. FBM 70 merosot 12.8 mata kepada 14,163.53.

Di kalangan saham aktif, Sumatec Resources meningkat satu sen kepada 29.5 sen, Barakah Offsho-

re Petroleum naik 10 sen kepada RM1.50 sementara AT Systematization turun satu sen kepada 11 sen.

Saham berwajaran tinggi pula, Maybank naik lima sen kepada RM10 sementara Tenaga Nasional dan CIMB, masing-masing tidak berubah pada RM11.02 dan RM7.70.

Jumlah dagangan di Pasaran Utama mengukuh kepada 1.051 bilion unit bernilai RM1.924 bilion daripada 831.538 juta unit bernilai RM1.387 bilion pada Isnin.

Jumlah dagangan di pasaran ACE menambah kepada 280.218 juta saham bernilai RM67.722 juta daripada 277.861 juta saham bernilai RM59.76 juta kelmarin.

Waran lebih tinggi kepada 43.396 juta unit bernilai RM5.934 juta daripada 28.345 juta unit bernilai RM3.82 juta sebelumnya.

BERNAMA